

## Seminar Komunikasi Korporat IDEAL-UMS 18 Feb

KOTA KINABALU: Institut Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Putra Malaysia (IDEAL-UPM), di sini akan menganjurkan Seminar Komunikasi Korporat pada 18 Februari jam 8.30 pagi di Hotel Berjaya Palace.

Seminar yang julung kali diadakan itu adalah anjuran bersama pelajar-pelajar Bacelor Komunikasi tahun akhir iaitu bagi semester lapan dan tujuh (Online), IDEAL-UPM, Sabah.

Seminar itu bertemakan Komunikasi Dalam Era Globalisasi, bertepatan dengan keadaan globalisasi masa kini dan yuran tidak dikenakan.

Seminar itu dijangka dihadiri seramai 200 peserta yang terdiri daripada anggota perkhidmatan awam, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan/perkumpulan dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.

Sebanyak tiga kertas kerja mengenai isu-isu komunikasi korporat semasa akan dibentangkan iaitu oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk K. Y. Mustafa yang bertajuk 'Peranan ICT

Dalam Perkhidmatan Awam'.

Manakala pengarah IDEAL-UPM, Serdang Prof. Madya Dr. Salihan Siais juga akan menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Komunikasi Dalam Menjana Imej Organisasi' dan pakar komunikasi korporat UPM Serdang Muhamad Rosli Selamat membentangkan 'Komunikasi Korporat Dalam Era Globalisasi'.

Antara matlamat seminar ini ialah memberi pendedahan mengenai Komunikasi korporat dan peranan teknologi maklumat dan komunikasi dalam aktiviti harian organisasi dan individu dalam era globalisasi.

Menteri Kewangan Sabah, Datuk Haji Musa Hj. Aman, dijangka akan menjadi tetamu kehormat dan seterusnya akan menyempurnakan perasmian seminar berkenaan.

Keterangan lanjut boleh berhubung dengan Yahya Yusop (0138649088), Puan Rukiah Yakub (0198718340) dan Diana Daria Amit (013-8656636). — **Oleh Almawati Rakim**